

31 AUG 2001

Mahathir-Tabung Haji

AHLI PROFESSIONAL AKAN KENDALI PELABURAN TABUNG HAJI

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tabung Haji akan mengalami perubahan dalam pengurusannya terutama panel pelaburannya bagi memastikan ia lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan meletakkan orang yang lebih profesional dalam panel pelaburan itu serta menukar strateginya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlumbaan Lasak Merdeka Millenium 2001 di Litar F1 Sepang di sini, beliau berkata dahulunya panel pelaburan itu terdiri daripada ahli profesional dan Tabung Haji telah melabur dalam saham yang memberi pulangan yang baik.

Bagaimanapun, pada satu ketika dulu "ada orang tertentu" yang menukar anggota panel berkenaan dan menggantikan mereka dengan orang yang tidak begitu profesional dan ini menyebabkan pelaburan oleh Tabung Haji tidak memberikan pulangan yang baik, katanya.

"Inilah sebabnya yang kita dapati selain daripada kesan kemerosotan ekonomi, pelaburan Tabung Haji juga kurang bijak," kata Dr Mahathir ketika diminta mengulas pelbagai isu mengenai Tabung Haji termasuk yang terbaru melibatkan kehilangan lebih RM8 juta daripada akaun pendepositnya.

Ditanya mengenai siapa "orang yang tertentu" yang dimaksudkannya itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin baru-baru ini berkata pengurusan Tabung Haji akan disusun semula secara menyeluruh bagi mengelakkan organisasi itu mengalami kerugian besar.

Tabung Haji kini mempunyai kira-kira empat juta penyimpan.

Sambil melahirkan rasa dukacitanya terhadap Tabung Haji, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyasat kes kehilangan wang itu dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

"Kita berasa amat dukacita kerana dalam Tabung Hajipun ada orang yang tidak betul," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai Tan Sri Zainol Mahmood yang dilantik semula sebagai Pengerusi Tabung Haji bagi menggantikan Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Zainol, 64, bekas pengerusi eksekutif Pos Malaysia, dilantik bagi kali pertama menjadi Pengerusi Tabung Haji pada 1 Ogos 2000 hingga 1 Feb lepas sebelum digantikan oleh Dr Abdul Hamid.

Zainol sekali lagi dilantik menjadi pengerusi organisasi itu berkuatkuasa 10 Ogos lepas.

Dr Mahathir berkata perubahan itu ialah bagi membolehkan Dr Abdul Hamid menumpukan perhatian kepada tugas menangani masalah berkaitan agama.

"Nampaknya, beban kerjanya meningkat. Sebab itu saya suruh dia tinggalkan Tabung Haji untuk menumpukan kepada masalah terutamanya pendidikan agama yang didapati begitu meruncing," katanya.

Mengenai insiden solat dua imam di Masjid Ar-Rahman berhampiran Universiti Malaya sehingga menyebabkan 16 orang ditangkap oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) semalam, Dr Mahathir berkata beliau berasa amat sedih dengan peristiwa itu.

"Ia (berlaku) kerana hasutan dari luar. Saya tidak terfikir penuntut-penuntut berminat untuk buat kerja macam itu yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat orang politik yang selalu menghasut penuntut dengan harapan apabila mereka menamatkan pengajian akan menyertai dan menyokong mereka.

Dr Mahathir berkata golongan politik berkenaan hanya lebih mementingkan kemenangan semasa pilihan raya umum tanpa memikirkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Kalau dia berasa hendak tipu, dia tipu. Kalau hendak hina Tuhan dia hina, asalkan dia boleh dapat kemenangan," katanya.

Mengimbas kembali zaman kecilnya, Dr Mahathir berkata pada masa itu orang Melayu tidak terbahagi kepada mazhab-mazhab ataupun mengerjakan solat dua imam dan sebaliknya mengikuti ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tekun.

Bagaimanapun, beliau berkata keadaan itu berubah sejak 1959 apabila wujud parti politik lain sehingga soal mengkafirkan orang Islam lain timbul.

"Dia mengkafir pasal politik bukan pasal agama dan kini sudah sampai ke peringkat ekstremis hendak menggulingkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan, tembak orang sampai mati, samun bank. Saya tidak tahu ini politik apa," katanya.

Perdana Menteri berkata ada parti politik terus menerus mengadakan kempen dan ceramah yang lebih bertujuan untuk menyemai kebencian terhadap kerajaan.

"Kalau di negara lain, selepas pilihan raya tiada kempen lagi. Tidak ada ceramah, tidak ada rali. Tapi di Malaysia selepas pilihan raya, sehari selepas itu tidak berhenti-henti (diadakan ceramah) dan ceramah itu tidak lain daripada maki kerajaan, benci kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata perbuatan memaki orang semakin menjadi-jadi malahan dirinya sendiri turut menjadi sasaran sehingga diberikan pelbagai gelaran yang tidak elok.

"Maki orang itu, maka orang ini. Saya ini dipanggil anjing, firaun, mahazalim, macam-macam ...dia fikir, tak dak (tiada) lain selain membenci orang. Apa yang saya buat kat (pada) dia?" katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sedih kerana terdapat orang Melayu yang suka memaki orang.

"Bukan kebenaran yang penting, tapi siapa (yang) kata yang penting. Kalau orang itu dianggap tok guru.. dia mengata, dia mencarut pun okey, tak apa, pasal dia tok guru. Sedihlah...," katanya.

-- BERNAMA

HS MAM RON